

Banjir: Terengganu dapat peruntukan terbanyak

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

KUALA TERENGGANU 9 Jan - Pada akhir Disember, musim basah masih tersisa di negeri Terengganu dan Kelantan, dengan hujan terus mencurah di beberapa kawasan.

Ketika angin Monsun Timur Laut masih melanda membawa kelembapan dengan jumlah hujan yang dianggarkan mencecah sekitar 500 milimeter, cerita banjir di negeri ini dijangka masih berlarutan sehingga awal tahun ini.

Walaupun hujan mula kembali reda, namun keadaan memaksa mangsa banjir sentiasa bersedia sedia untuk berpindah sekiranya bencana berlarutan.

Namun, banjir kali ini tidaklah seburuk yang melanda dua negeri ini pada 2013 dan 2014, di samping persediaan yang lebih tersusun dilakukan, selain langkah-langkah pencegahan yang telah digerakkan.

Ketika banjir mula reda, segala keluh kesah masih menjadi buah larian, kerugian termasuk kerosakan prasarana mulai dihitung selain tindakan susulan mula digerakkan dalam usaha memulihkan kehidupan.

Tidak kurang pula yang mahu menjadikannya sebagai rencahan politik untuk mempelak kerajaan negeri termasuk menjadikan Jawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak ke negeri ini sebagai isu.

Selain kepimpinan di peringkat negeri, sudah ramai pemimpin Pusat yang datang meninjau keadaan banjir termasuk Perdana Menteri yang meluangkan masa untuk meninjau dari dekat tentang perkembangan banjir dan urusan mengendalikannya.

Namun, kehadiran Perdana Menteri di negeri ini, walaupun tidak mengemukakan sebarang projek tertentu berkaitan banjir tetap dipersoalkan, seolah-olah beliau tidak memberi perhatian terhadap negeri ini.

Pemimpin negeri turut dipersalahkan kerana tidak meminta atau mendesak Perdana Menteri mengemukakan bantuan untuk Terengganu.

Sesetengah pihak juga membandingkan tumpuan yang diberikan kerajaan Pusat kepada Kelantan semasa musim banjir ini dengan Terengganu yang menurut mereka memerlukan lebih banyak perhatian ketika ini.



DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK bertamasya ke rumah kanak-kanak ketika menziarah mangsa banjir di penempatan mangsa banjir Sekolah Kebangsaan Banggol Peradong di Kuala Terengganu, semalam. Beliau ditemani Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman (Kanan) dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Mungkin ramai yang tidak sedar bahawa Terengganu merupakan negeri yang telah mempunyai pelan terbaik dalam menangani banjir dan dalam usaha memberi khidmat kepada mangsa sehingga dijadikan model di peringkat nasional.

Kepimpinan negeri telah merangka perancangan keperluan jangka pendek, sederhana dan panjang dengan prasarana yang menuntut kos yang tinggi dan memerlukan pelaksanaan mengikut fasa.

Kerajaan negeri tentunya telah mendelegasikan segala permasalahan berkaitan dengan banjir yang kemudiannya memohon bantuan daripada kerajaan Pusat secara sistematis.

Kepimpinan kepimpinan negara diserlah dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dengan lebih RM1 bilion diperuntukkan untuk Terengganu.

Semua ini melibatkan sekurang-kurangnya 21 projek besar di bawah dua Kementerian, selain

usaha-usaha lain oleh Kementerian lain dan kerajaan negeri sendiri dalam membela nasib rakyat.

Jika disemak, sebagai contoh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar memperuntukkan ratusan juta ringgit kepada negeri ini termasuklah untuk menangani isu hakisan pantai yang dihadapi setiap kali tiba musim tengkujuh.

Ini juga melibatkan pelbagai projek untuk menaik taraf tebing sungai dan skim pengairan di seluruh pelusok negeri di samping pembinaan tebatan banjir.

Mungkin ramai yang tidak sedar betapa banjir di sesuatu kawasan di negeri ini tidak berlaku dalam jangka masa yang lama, dan kadar kemusnahan serta nilai kerugian tidaklah begitu besar.

Tidaklah ini juga sebagai nikmat yang dikecapi, hasil kepekaan, kecekapan dan keupayaan pentadbiran negeri dalam merancang dan merencanak projek yang mendesak. Justeru mengapa suasana 'se-

juk tengkujuh' perlu dipanaskan hanya kerana kehadiran Perdana Menteri di negeri ini dilihat sebagai berkesempatan mendengar taklimat, bersemra dan memberi sumbangan kepada mangsa banjir, dijadikan persoalan.

Pelbagai dana telah diperuntukkan oleh kerajaan Pusat, dan sekiranya negeri ini tidak dibantu, kedatangan banjir kemungkinannya akan membawa kesan lebih parah.

Mengapa tidak sesekali kita turut mengucapkan tahmiah kepada Menteri Besar, Datuk Seri Ahmad Razif Abdul Rahman yang merasai denyut nadi rakyat dalam menghadapi musim tengkujuh.

Juga kepada semua jentera kerajaan negeri dan Pusat, badan-badan bukan kerajaan, sektor swasta dan sukarelawan yang memberikan khidmat tanpa bayang rungutan, ketika sebahagian daripada kita hanya berdiam diri, sekadar menatap di media massa dan mempercayai setiap isu yang diviralkan di media sosial.

PROJEK KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

- Projek pemuliharaan muara Sungai Paka **RM150 juta**
- Projek pemuliharaan muara Sungai Setiu **RM150 juta**
- RTB KEMASIK **RM60 juta**
- Projek pemuliharaan muara Sungai Mercang **RM43 juta**
- Projek menaik taraf dan Pantai Lagun Setiu, Gong Batu, Setiu **RM10 juta**
- Sumbangan projek pemuliharaan muara Sungai Besut **RM238.6 juta**
- Sambungan projek mencegah hakisan pantai di Pantai Tok Jembal, Kuala Terengganu Fasa 2, **RM89.5 juta**
- Sambungan pembangunan Santuari Gajah Sungai Deka **RM20.9 juta**
- Sambungan rancangan tebatan banjir Sungai Besut Fasa 1 - Sungai Nail. **RM15 juta**
- Pembangunan lembangan sungai bersepadu Sungai Kemaman **RM300 juta**

PROJEK KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- Menaik taraf skim-skim pengairan daerah Setiu, kawasan skim pengairan Setiu. **RM20 juta**
- Menaik taraf skim-skim pengairan daerah Hulu Terengganu, kawasan skim pengairan daerah Hulu Terengganu. **RM100 juta**
- Kerja-kerja menaik taraf tebing Sungai Kenak di dalam skim pengairan Besut, IADA KETARA, Besut. **RM 10 juta**
- Membina dan menaik taraf dua buah rumah pam, tali air sekunder dan tali air tersier serta kerja berkaitan di KPA MIM2B dan KPA Q2C, skim pengairan IADA KETARA, Besut. **RM6 juta**
- Pembangunan skim pengairan padi Setiu fasa II. **RM6 juta**
- Menaik taraf dan tali air utama E-F-G-M dan tali air sekunder G-H-I-J-K-L serta kerja berkaitan di skim pengairan Besut, IADA KETARA, Besut. **RM 5 juta**
- Menaik taraf sistem pam pengairan di rumah pam A1 Nerus, skim pengairan Nerus. **RM4.5 juta**
- Pembangunan skim pengairan Padi Durian Telur fasa II **RM3 juta**
- Membina pengairan utama dari Empangan Paya Peda ke skim pengairan KETARA fasa 2. **RM100 juta**

KERATAN AKHBAR

AKHBAR	..	UTUSAN MALAYSIA		
TARIKH	..	10/1/2017	MUKA SURAT	: 5
JABATAN	..	JPS / BANJIR		
KLASIFIKASI	..	PERHATIAN		

